

15 NOV 2001

PRESIDEN EQUATORIAL GUINEA MULA LAWATAN DUA HARI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Presiden Equatorial Guinea, Obiang Nguema Mbasogo tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan dua hari ke Malaysia.

Presiden itu yang diiringi isterinya diberikan sambutan permaidani merah oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah pada satu majlis di medan Parlimen.

Selepas majlis itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Presiden Mbasogo di hotel penginapannya di sini dan mereka mengadakan perbincangan selama 30 minit.

Lawatan itu, yang pertama oleh Presiden Equatorial Guinea, bertujuan meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Petang ini Presiden Mbasogo, yang turut diiringi rombongan 30 anggota termasuk empat menteri, dijadual mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Putrajaya.

Ia diikuti mesyuarat delegasi yang dijangka membincangkan kerjasama dua hala selain isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin itu juga dijangka menyaksikan acara menandatangani perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, sains, teknikal dan kebudayaan.

Majlis jamuan negara akan diadakan bagi meraikan Presiden Mbasogo di Istana Negara malam ini.

-- BERNAMA

AT HS NMO